

22 JUN 2002

Mahathir-Reaksi (Sulaiman)

SAYA HAMPIR PENGSAH, KATA SULAIMAN NINAM SHAH

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- "Nasib baik jantung saya kuat pada hari ini, kalau tidak saya pun collapse jugak," kata Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung Umno Tun Sulaiman Ninam Shah.

Katanya, pengumuman awal Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu meletakkan jawatan merupakan yang mengejutkan sepanjang tempoh 27 tahun beliau mempengerusikan Perhimpunan Agung Umno.

Beliau tidak pernah menjangkakan perkara itu boleh terjadi.

"Saya tidak fikir perkara seperti itu boleh berlaku... tetapi Alhamdulillah yang dia tarik balik," katanya kepada pemberita yang mengerumuni beliau sebaik sahaja perhimpunan ditangguhkan.

Ketika ditanya adakah pengumuman peletakan jawatan oleh Dr Mahathir itu boleh diterima oleh mesyuarat, Sulaiman berkata, sekiranya mengikut prosedur Umno, peletakan jawatan itu boleh diterima.

"Tetapi seluruh perwakilan dan pemerhati tidak menerima peletakan jawatan dan itu yang disampaikan kepada Perdana Menteri yang akhirnya bersetuju menarik balik keputusannya," katanya.

Beliau berkata pengumuman Dr Mahathir itu tidak sepatutnya berbangkit lagi setelah Perdana Menteri menarik balik keputusannya atas desakan parti.

Bagaimanapun katanya Dr Mahathir masih boleh meletak jawatan atas kuasa sebagai Presiden walaupun perwakilan tidak bersetuju, selain dengan menghantar surat peletakan jawatan.

"Tetapi saya tidak fikir yang dia (Dr Mahathir) akan menghantar surat sebab dia sudah katakan yang dia tarik balik dan saya berpuas hati," katanya.

Beliau juga menasihatkan rakyat berpegang kepada keputusan mereka yang teguh menyokong kepimpinan Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HIS RZS AZZ RHM